

# Tindakan tegas guru halang aktiviti kerajaan

UM - 4/6/2007

Oleh NIZAM YATIM

**KUALA LUMPUR** 3 Jun - Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan tegas termasuk membuang guru yang didapati menghalang jabatan kerajaan lain menjalankan aktiviti di kawasan sekolah.

Timbalan Menteri, Datuk Noh Omar berkata, beliau menerima laporan membatkan beberapa kes guru menghalang Jabatan Penerangan menjalankan aktiviti bercorak hiburan kerana dianggap tidak sesuai.

Sehubungan itu, beliau mengarahkan pihak nazir dan Jabatan Pelajaran negeri melakukan siasatan dan sekiranya terdapat bukti kukuh ia akan diserahkan kepada lembaga tatatertib untuk tindakan sama ada amaran, denda, turun pangkat, tahan gaji atau membuang mereka.

"Kita melakukan siasatan terlebih dahulu bagi melihat kebenaran dakwaan ini kerana hendak berlaku adil terhadap guru-guru terbabit dan tidak mahu dianggap zalim," katanya selepas merasmikan Ibu Pejabat baru Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Sentul Raya Boulevard, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Presiden GPMS, Datuk Reezal Merican Naina Merican.

Noh berkata, tindakan tegas itu bertujuan menyekat peningkatan kes guru-guru yang terpengaruh dengan parti pembangkang yang menggunakan kemudahan sekolah untuk menjalankan aktiviti politik berikutan ramalan pilihan raya umum semakin hampir.

"Saya hendak beritahu guru-guru ini, dekat-dekat pilihan raya ini, saya minta

jangan mengambil kesempatan untuk cuba menghalang aktiviti-aktiviti kerajaan di sekolah," tegasnya.

Mengenai program-program anjuran UMNO di sekolah, beliau berkata, ia hanya boleh dijalankan sekiranya ia dihadiri oleh pemimpin-pemimpin kerajaan.

"Tiada masalah kalau yang datang pemimpin negara kerana mereka akan bercakap mengenai dasar-dasar kerajaan.

"Kita hanya melarang mereka yang menggunakan bangunan sekolah milik kerajaan untuk menghentam kerajaan, kalau hendak hentam, dia kena cari bangunan sendiri, cakaplah apa yang hendak cakap," jelasnya.

Mengenai laporan semakan kenaikan gaji oleh kerajaan menyebabkan lebih 50,000 guru berijazah lepasan program Universiti Terbuka Malaysia (OUM) dan Pengajian Jarak Jauh (PJJ) mendapat gaji lebih rendah, beliau berkata, pihaknya akan menyiasat kes berkenaan.

Semalam, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Lok Yim Pheng berkata, pihaknya meminta kerajaan memberi penambahan gaji, masing-masing sebanyak lima peratus dan tiga peratus kepada guru-guru terbabit yang kini dalam gred DG41 dan DG44.

Menurut Noh, laporan awal yang diterima menunjukkan masalah itu hanya melibatkan guru-guru yang baru menamatkan program OUM dan PJJ.

"Setahu saya ia hanya melibatkan guru-guru yang baru diserapkan ke DG41 selepas program, tetapi kenaikan selepas itu adalah lebih tinggi daripada guru-guru lain yang berada dalam gred DG42," jelasnya.



NOH Omar (kiri) diiringi Reezal Merican Naina Merican (kanan) merasmikan Ibu Pejabat Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung di Sentul Raya Boulevard, Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar HARUN OSMAN